



07 FEB, 2025

TNB arah hentikan kerja-kerja melibatkan helikopter kedua

Kosmo, Malaysia



TNB arah hentikan kerja-kerja melibatkan helikopter kedua

PETALING JAYA – Tenaga Nasional Berhad (TNB) mengarahkan pemberhentian kerja bagi penggunaan helikopter kedua yang turut terlibat dalam kerja-kerja penyelenggaraan di tapak projek.

Isa susulan kejadian sebuah helikopter terbakar ketika cuba melakukan pendaratan untuk mengisi minyak berdekatan tapak projek TNB di kawasan Bentong.

TNB dalam kenyataan di Facebook semalam berkata, buat masa ini pasukan bomba telah memadamkan kebakaran di lokasi kejadian.

"Laporan awal menyatakan bahawa juruterbang berjaya dikeluarkan dengan selamat, manakala seorang pekerja syarikat helikopter yang juga warga Indonesia disahkan meninggal dunia.

"TNB akan memberikan kerjasama penuh kepada pihak berkuasa dalam siasatan insiden ini," katanya.

Terdahulu, seorang jurutera warga Indonesia maut selepas kepalanya terkena bilah kipas helikopter yang hilang kawalan ketika melakukan pendaratan berhampiran kolam air panas di Jalan Lama Kuala Lumpur-Bentong semalam.

Kejadian kira-kira pukul 10.30 pagi itu berlaku ketika helikopter jenis Bell 206L4 dikendalikan seorang juruterbang mahu melakukan pendaratan bagi tujuan untuk mengisi minyak sebelum ia terbalik dan terbakar.



KEADAAN helikopter jenis Bell 206L4 yang terbakar selepas hilang kawalan ketika cuba melakukan pendaratan untuk mengisi minyak di Bentong semalam.